



**INTERNATIONAL JOURNAL OF
MODERN EDUCATION
(IJMOE)**
www.ijmoe.com



PERKATAAN “NAZARA” DAN PECAHANNYA DALAM SAHIH BUKHARI: SATU ANALISIS MAKNA DENOTATIF DAN KONOTATIF

“NAZARA” AND ITS DERIVATIVES IN SAHIH BUKHARI: DENOTATIVE AND CONNOTATIVE ANALYSIS

Norfarhana Ahmad Ghafar^{1*}, Hishomudin Ahmad², Norzulaili Mohd Ghazali³, Zainal Abidin Hajib⁴

¹ Fakulti Pengajian Bahasa Utama, Universiti Sains Islam Malaysia, Malaysia
Email: norfarhana@usim.edu.my

² Fakulti Pengajian Bahasa Utama, Universiti Sains Islam Malaysia, Malaysia
Email: hishomudin@usim.edu.my

³ Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia, Malaysia
Email: norzulaili@usim.edu.my

⁴ Fakulti Pengajian Bahasa Utama, Universiti Sains Islam Malaysia, Malaysia
Email: drzainal@usim.edu.my

* Corresponding Author

Article Info:
Article history:

Received date: 07.01.2025

Revised date: 13.01.2025

Accepted date: 10.02.2025

Published date: 11.03.2025

To cite this document:

Ghafar, N. A., Ahmad, H., Ghazali, N. M., & Hajib, Z. A. (2025). Perkataan “Nazara” Dan Pecahannya Dalam Sahih Bukhari: Satu Analisis Makna Denotatif Dan Konotatif. *International Journal of Modern Education*, 7 (24), 328-339.

DOI: 10.35631/IJMOE.724023

Abstrak:

Semantik merupakan bahagian linguistik yang membincangkan makna sesuatu perkataan. Penelitian makna terhadap sesuatu teks amat penting bagi memastikan penghayatan teks yang tepat, terutama dalam teks agama seperti al-Quran dan Hadis Nabawi. Banyak kajian memfokuskan pada semantik Al-Quran, namun kajian tentang makna perkataan ke atas teks hadis masih kurang diterokai. Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti makna denotatif dan konotatif perkataan *nazara* dan pecahannya di dalam Sahih Bukhari serta mengkategorikan makna mengikut jenisnya. Kajian ini bertujuan untuk membezakan makna literal (denotatif) perkataan *nazara* dan pecahannya daripada makna kontekstual (konotatif) di dalam Sahih Bukhari. Kajian ini menggunakan data sekunder, iaitu Sahih Bukhari dengan mengumpulkan hadis-hadis Qauli yang mengandungi perkataan *nazara* dan pecahannya. Dapatkan kajian menunjukkan perkataan *nazara* dan pecahannya bukan sahaja merujuk kepada penglihatan fizikal, tetapi juga membawa maksud pandangan dengan mata hati, berfikir tentang sesuatu, dan meneliti dengan mendalam bergantung kepada konteksnya. Konotasi ini menekankan kedalaman makna yang terkandung dalam bahasa Nabi SAW, yang sering melangkaui maksud literal. Kajian ini menyimpulkan bahawa dimensi konotatif *nazara* dan pecahannya memperkayakan huraiannya dengan lebih jelas, serta memberikan

This work is licensed under [CC BY 4.0](#)



pemahaman yang lebih mendalam tentang cara medan semantik yang halus berfungsi dalam wacana agama.

Kata Kunci:

Denotatif, Hadis, Hadis Nabawi, Konotatif, Makna, Sahih Bukhari, Semantik

Abstract:

Semantics is a branch of linguistics that examines the meanings of words. The analysis of meaning within a text is crucial to ensuring an accurate understanding, particularly in religious texts such as the Quran and the Prophetic traditions (Hadith). While numerous studies have focused on the semantics of the Quran, the study of word meanings in Hadith texts remains underexplored. This study aims to identify the denotative and connotative meanings of the word *nazara* and its derivatives in Sahih Bukhari and to categorize these meanings according to their types. Specifically, the research seeks to differentiate the literal (denotative) meanings of *nazara* and its derivatives from their contextual (connotative) meanings in Sahih Bukhari. This study utilizes secondary data from Sahih Bukhari by collecting Prophetic sayings (Hadith Qauli) containing the word *nazara* and its derivatives. The findings revealed that the word *nazara* and its derivatives not only refer to physical sight but also encompass meanings such as spiritual insight, reflective thinking, and deep contemplation, depending on the context. These connotations highlight the depth of meaning embedded in the language of the Prophet Muhammad (peace be upon him), which often transcends its literal interpretation. The study concludes that the connotative dimensions of *nazara* and its derivatives significantly enrich their interpretations, providing a deeper understanding of how nuanced semantic fields operate within religious discourse.

Keywords:

Connotative, Denotative, Hadith, Meaning, Prophetic Saying, Sahih Bukhari, Semantics

Pendahuluan

Semantik, sebagai cabang linguistik, memainkan peranan penting dalam memahami dimensi literal dan konotatif perkataan (Cruse, 2004), terutamanya dalam teks-teks yang memerlukan tafsiran mendalam seperti teks agama. Dalam konteks bahasa Arab, setiap perkataan sering mengandungi pelbagai lapisan makna yang melangkaui makna literal sesuatu perkataan. Analisis semantik perkataan dalam teks agama seperti al-Quran dan Hadis Nabawi penting bagi memastikan tafsiran yang tepat, terutamanya kerana teks ini menjadi rujukan utama umat Islam dalam aspek keagamaan dan kehidupan seharian (Rahman, 2012). Salah satu pendekatan yang semakin berkembang dalam kajian ini ialah penggunaan analisis semantik untuk menganalisis makna perkataan secara sistematik berdasarkan konteksnya.

Kajian terhadap makna perkataan dalam teks agama telah lama menjadi tumpuan dalam bidang linguistik dan pengajaran Islam. Walaupun banyak kajian telah dilakukan terhadap semantik al-Quran (Marjiatun Hujaz et al., 2018; Derhana Bulan Dalimunthe, 2019; Nur Umi Luthfiana & Nur Huda, 2021; Asma Abdul Rahman & Sarah Husna M Rashid, 2021; Nur Halijah Zainal & Khazri Osman, 2022; Muhammad Luqman Ibnul Hakim Mohd Saad et al., 2023; Qaziah

Fatihah Berhanuddin & Ahmed Talal Hassan, n.d.), kajian yang mendalam terhadap teks hadis masih terhad, khususnya dalam menganalisis makna perkataan tertentu berdasarkan dimensi denotatif dan konotatifnya. Perkataan seperti besar dan pecahannya sering kali hanya ditafsirkan secara literal sebagai "penglihatan," sedangkan penggunaannya dalam hadis menunjukkan pelbagai makna lain yang bergantung kepada konteks (Norfarhana Ahmad Ghafar et al., 2024). Kekurangan penyelidikan dalam bidang ini boleh menyebabkan salah tafsir terhadap teks hadis, yang seterusnya boleh menjelaskan pemahaman yang mendalam terhadap mesej yang disampaikan oleh Nabi Muhammad SAW.

Kajian ini bertujuan untuk menganalisis makna denotatif dan konotatif perkataan *nazara* dan pecahannya dalam hadis-hadis yang terdapat dalam Sahih Bukhari. Dengan menggunakan pendekatan semantik, kajian ini akan mengenal pasti konteks penggunaan perkataan *nazara* dan mengklasifikasikannya mengikut maknanya. Kajian ini bukan sahaja akan menyumbang kepada pemahaman yang lebih jelas terhadap teks hadis, tetapi juga memberikan pandangan baharu dalam bidang stilistik dan pengajian Islam.

Kajian Lepas

Makna Denotatif dan Konotatif

Makna denotatif merujuk kepada makna langsung, eksplisit, atau literal sesuatu perkataan seperti yang ditakrifkan dalam kamus. Ia merupakan makna utama yang tidak bergantung pada konteks, emosi, atau hubungan budaya. Dalam kajian linguistik, makna denotatif menjadi asas untuk memahami fungsi sesuatu istilah dalam komunikasi (Chierchia & McConnell-Ginet, 1990). Sebagai contoh, perkataan mawar dalam erti denotatif merujuk kepada sejenis bunga yang dikenali dengan kelopak dan harumnya. Makna denotatif biasanya bersifat universal dan stabil merentasi pelbagai konteks, menjadikannya penting untuk kejelasan dan objektiviti dalam analisis bahasa, terutamanya dalam teks agama atau teknikal yang memerlukan ketepatan tinggi.

Makna konotatif, sebaliknya, merangkumi makna sekunder atau berkaitan yang diperoleh sesuatu perkataan berdasarkan konteks, budaya, emosi, atau pengalaman peribadi. Makna ini selalunya bersifat subjektif dan boleh berbeza-beza bergantung pada individu atau komuniti yang mentafsirkan perkataan tersebut (Chierchia & McConnell-Ginet, 1990). Sebagai contoh, perkataan mawar dalam erti konotatif mungkin melambangkan cinta, keghairahan, atau keindahan bergantung pada konteks budaya atau sastera. Dalam teks agama seperti al-Quran atau Hadis, makna konotatif sering memperkayakan kedalaman interpretasi bahasa, kerana perkataan boleh membawa makna rohani, moral, atau alegori yang melampaui definisi literalnya.

Memahami makna denotatif dan konotatif sangat penting, terutamanya dalam mentafsir teks yang memerlukan kejelasan dan kedalaman makna. Makna denotatif menyediakan asas untuk pemahaman asas, manakala makna konotatif menambah lapisan interpretasi yang dibentuk oleh konteks dan nuansa budaya. Dalam kajian agama, pengiktirafan terhadap interaksi antara kedua-dua dimensi makna ini membolehkan tafsiran teks suci yang lebih bernuansa dan tepat, sekali gus memudahkan penghargaan yang lebih mendalam terhadap kekayaan linguistik dan teologi yang terkandung di dalamnya.

Hadis Nabawi

Hadis Nabawi merujuk kepada segala yang disandarkan kepada Nabi Muhammad SAW sama ada dalam bentuk perkataan, perbuatan, pengakuan, atau sifat baginda (Subhi Saleh, 1963). Hadis memainkan peranan penting sebagai sumber kedua dalam syariat Islam selepas al-Quran. Ia berfungsi sebagai penjelas dan pelengkap kepada ayat-ayat al-Quran, memberikan panduan praktikal kepada umat Islam dalam aspek akidah, ibadah, akhlak, dan muamalat. Dari segi jenisnya, hadis terbahagi kepada beberapa kategori utama berdasarkan sifat dan sanadnya. Hadis sahih ialah hadis yang sanadnya bersambung, diriwayatkan oleh perawi yang adil dan kuat ingatan, bebas daripada kecacatan (*'illah*) dan keganjilan (*syaz*). Hadis hasan pula hampir sama dengan hadis sahih tetapi terdapat kelemahan ringan pada perawinya. Hadis daif ialah hadis yang mempunyai kelemahan sama ada pada sanad, perawi, atau matannya. Selain itu, hadis juga diklasifikasikan berdasarkan cara ia disampaikan, seperti mutawatir dan ahad, yang masing-masing bergantung kepada bilangan perawi dalam sanadnya.

Hadis Qauli merujuk kepada kata-kata atau ucapan Nabi Muhammad SAW yang diriwayatkan oleh para sahabat dan dicatatkan dalam pelbagai kitab hadis. Ia adalah jenis hadis yang paling banyak ditemui dalam koleksi hadis kerana ia merakamkan panduan, nasihat, dan arahan baginda secara langsung dalam bentuk perkataan. Hadis Qauli penting dalam menjelaskan pelbagai isu syariat yang memerlukan perincian yang tidak disebut secara eksplisit dalam al-Quran. Sebagai contoh, perintah untuk mendirikan solat disebut dalam al-Quran, tetapi kaedah pelaksanaannya diperincikan dalam hadis Qauli. Hadis ini juga sering kali digunakan untuk menjawab persoalan yang diajukan kepada Nabi Muhammad SAW oleh para sahabat, menjadikan kandungannya bersifat spesifik dan kontekstual. Dengan memahami hadis Qauli, umat Islam dapat menghuraikan makna sebenar nas-nas agama dan melaksanakan ajaran Islam dengan lebih tepat dan praktikal.


Sahih Bukhari

Sahih Bukhari merupakan salah satu kitab hadis paling sahih dan diiktiraf dalam tradisi Islam, disusun oleh Imam al-Bukhari (194H-256H). Nama lengkapnya ialah *al-Jami' al-Musnad al-Sahih al-Mukhtasar min Umur Rasulillah SAW wa Sunanahu wa Ayyamih* (Al-Bukhari, 1980). Kitab ini mengandungi koleksi hadis-hadis yang dianggap memenuhi kriteria ketat kesahihan, seperti sanad yang bersambung, perawi yang adil dan terpercaya, serta bebas daripada kecacatan (*'illah*) atau keganjilan (*syaz*). Imam al-Bukhari menghabiskan hampir 16 tahun untuk menyusun kitab ini, meneliti ribuan hadis dan hanya memilih sekitar 7,563 hadis (termasuk hadis berulang) yang mencapai tahap kesahihan tertinggi.

Sahih Bukhari dibahagikan kepada 97 *kitab* (buku) bermula dengan *kitab* Permulaan Wahyu dan berakhir dengan *kitab* Tauhid, yang merangkumi pelbagai aspek kehidupan, seperti akidah, ibadah, muamalat, akhlak, sejarah, dan peristiwa penting dalam kehidupan Nabi Muhammad SAW. Sahih Bukhari tidak hanya berfungsi sebagai sumber rujukan utama dalam ilmu hadis, tetapi juga sebagai panduan penting bagi umat Islam dalam memahami dan mengamalkan ajaran Islam. Keistimewaan Sahih Bukhari terletak pada metodologi penyusunannya yang teliti serta penerimaan meluas di kalangan ulama hadis, menjadikannya kitab yang paling dipercayai selepas al-Quran.

Metodologi

Kajian ini merupakan sebuah penyelidikan kualitatif yang menggunakan pendekatan analisis teks. Data utama bagi kajian ini diperoleh daripada Sahih Bukhari. Penyelidikan ini dijalankan dalam dua fasa: fasa pengumpulan data dan fasa analisis data.



Gambarajah 1: Dua Fasa Utama Kajian

Fasa Pertama: Pengekstrakan data dilakukan dengan mengenal pasti hadis-hadis yang mengandungi perkataan *nazara* dalam Hadis Qauli di dalam Sahih Bukhari. Penyelidik memberi tumpuan kepada perkataan *nazara* dan pecahannya, termasuk *naazir*, *yantaziru*, *intaziru*, *unzuru*, *unzur*, *anzur*, and *nazrah*. Sebanyak 43 hadis mengandungi perkataan *nazara* dan pecahannya.

Fasa Kedua: Perkataan yang diucapkan oleh Nabi SAW dalam hadis-hadis terpilih dianalisis menggunakan makna perkataan *nazara* yang telah dikeluarkan oleh Norfarhana Ahmad Ghafar & Hishomudin Ahmad (2023) daripada kamus Lisan Arab oleh Ibn Manzur. Data tersebut dikaji dari perspektif semantik dengan mengkategorikan makna yang diperoleh daripada perkataan *nazara* dan pecahannya kepada dua bahagian: (1) makna denotatif atau makna utama, dan (2) makna konotatif atau makna yang melangkaui makna utama.

Dapatan dan Perbincangan

Terdapat 43 hadis yang mengandungi perkataan *nazara* dan pecahannya dalam Sahih Bukhari.

Jadual 1: Taburan Perkataan Nazara dan Pecahannya dalam Sahih Bukhari


Nama Kitab	Bab	Nombor Hadis	Perkataan
Ilmu	Penulisan Ilmu	112	النظرین
Solat	Cara penganugerahan solat ketika Israa'	349	نظر، نظر، نظر، نظر
Solat	Jika solat dengan memakai baju bergambar dan memandang kepada gambar tersebut	373	أنظر
Waktu-waktu solat	Menunaikan solat ketika panas terik bersanggatan	535	انتظر، انتظر
Waktu-waktu solat	Kelebihan solat Isyak	566	يُنْتَظِر
Waktu-waktu solat	Melewatkhan solat Isyak bagi yang terlalu mengantuk	570	يُنْتَظِر
Azan	Kelebihan solat berjemaah	647	انتظر
Azan	Kelebihan solat Subuh berjemaah	651	يُنْتَظِر
Azan	Kelebihan memunggu waktu solat dan kelebihan masjid	661	انتظر تموها
Dua Hari Raya	Lembing dan perisai pada hari raya	950	تنظرين
Amalan dalam solat	Perkara yang diharuskan semasa solat	1210	فتقظروا
Zakat	Kewajipan berzakat	1397	ينظر، فلينظر
Haji	Firman Allah berkenaan Haji merupakan bulan yang tertentu	1560	أنظر كما
Jual beli	Meringankan beban hutang orang kaya	2077	ينظر، أنظر، أنظر
Jual beli	Peniaga perlu memerah susu haiwan peliharaan	2150	النظرین
Memberi minuman	Kesalahan tidak memberi air kepada ibn sabil	2358	ينظر
Permulaan kehidupan	Kelebihan mengucapkan Amin	3231	فنظرت
Hadis tentang Nabi	Firman Allah berkenaan kelebihan Nabi Ibrahim	3350	ينظر
Hadis tentang Nabi	Firman Allah berkenaan kelebihan Nabi Ibrahim	3355	فانظر، أنظر
Hadis tentang Nabi	Cerita tentang Bani Israel	3452	انظروا
Kelebihan Nabi SAW dan pengikutnya	Tanda kenabian dalam Islam	3610	ينظر، ينظر، ينظر، ينظر
Kelebihan para Sahabat	Tiada	3665	ينظر

Kelebihan orang Ansar	Hadis berkenaan Isra'	3886	أنظر
Peperangan	Pembunuhan Abu Jahal	3963	ينظر
Peperangan	Peperangan Khaibar	4232	تظروهم
Peperangan	Peletakan bendera pada hari Pembukaan Kota Mekah	4280	ينظر
Tafsir al-Quran	Firman Allah pada surah Maryam	4730	ينظرون، وينظرون
Tafsir al-Quran	Firman Allah pada surah ar-Rahman	4880	ينظروا
Kelebihan al-Quran	Beroleh ketenangan dan dikelilingi malaikat semasa membaca al-Quran	5018	ينظر
Kelebihan al-Quran	Membaca al-Quran daripada hati	5030	فانظر، انظر
Perkahwinan	Tiada penyusuan selepas tempoh 2 tahun	5102	انظرن
Perkahwinan	Larangan bercerita mengenai perempuan lain kepada suami	5240	ينظر
Perubatan	Ruqyah melalui pandangan	5739	النظرة
Pakaian	Orang yang melabuhkan pakaian dengan tujuan riyak dan sombong	5788	ينظر
Meminta keizinan	Zina melalui pandangan mata	6243	النظر
Meminta keizinan	Tidur waktu tengahari di dalam masjid	6280	انظر
Melembutkan hati	Melihat orang yang kurang daripada kita dari sudut harta dan rupa	6490	نظر، فلينظر
Melembutkan hati	70 ribu orang masuk syurga tanpa hisab	6541	فنظرت، انظر، فنظرت
Melembutkan hati	Telaga Nabi SAW	6593	أنظر
Janji dan sumpah	Perihal sumpah Nabi SAW	6636	فنظرت، فنظر
Hukum Faraid	Pakar penentu nasab keturunan	6770	نظر
Hukuman Hudud	Penentuan kepastian perbuatan zina	6824	نظرت
Tauhid	Firman Allah SWT berkenaan orang yang mengubah ayat Allah	7508	فانظروا

Jadual 1 menunjukkan dapatan hadis Qauli daripada Sahih Bukhari yang mengandungi perkataan *nazara* dan pecahannya. Terdapat 65 perkataan *nazara* dan pecahannya dalam 43 hadis yang berasal daripada 27 buah kitab dalam Sahih Bukhari. Kitab-kitab tersebut termasuk Kitab Ilmu, Kitab Solat, Kitab Waktu-waktu Solat, Kitab Azan, Kitab Perbuatan dalam Solat, Kitab Dua Hari Raya, Kitab Zakat, Kitab Haji, Kitab Jual beli, Kitab Memberi minuman, Kitab Permulaan Kehidupan, Kitab Hadis tentang Nabi-nabi, Kitab Kelebihan Nabi SAW dan

pengikutnya, Kitab Kelebihan para Sahabat, Kitab Kelebihan orang Ansar, Kitab Peperangan, Kitab Tafsir al-Quran, Kitab Kelebihan al-Quran, Kitab Perkahwinan, Kitab Perubatan, Kitab Pakaian, Kitab Meminta Keizinan, Kitab Melembutkan hati, Kitab Janji dan sumpah, Kitab Hukum Faraid, Kitab Hukuman Hudud dan Kitab Tauhid.

Berdasarkan perkataan *nazara* dan pecahannya dalam hadis-hadis tersebut, penyelidik akan mengklasifikasikannya mengikut maknanya, sama ada bersifat denotatif atau konotatif.



Gambarajah 2: Makna Perkataan Nazara dan Pecahannya dalam Sahih Bukhari

Gambarajah 2 menunjukkan makna perkataan *nazara* dan pecahannya dalam Sahih Bukhari. Terdapat perbezaan makna walaupun perkataan tersebut berasal daripada akar kata yang sama. Dalam Sahih Bukhari, terdapat lima makna bagi perkataan *nazara* dan pecahannya, iaitu deria mata, melihat dengan mata hati, sangkaan, memandang menggunakan mata, dan tiada rahmat.

Berdasarkan gambarajah 2, terdapat beberapa entri untuk perkataan *nazara* dalam Sahih Bukhari. Makna pertama ialah deria mata yang muncul sebanyak 34 kali, manakala empat makna lain, iaitu yang paling bersangka sebanyak 19 kali, pengamatan sebanyak 6 kali dan melihat dengan mata hati dan tiada rahmat masing-masing berulang sebanyak 3 kali.

Jadual 2: Makna Denotatif dan Konotatif Perkataan Nazara dan Pecahannya dalam Sahih Bukhari

Nombor Hadis	Perkataan	Makna denotatif	Makna konotatif
112	النظرین		✓
349	نظر، نظر، نظر، نظر	✓✓✓✓	
373	أنظر	✓	
535	انتظر، انتظر		✓✓
566	يُنْتَظِر		✓
570	يُنْتَظِر		✓

647	انتظر		✓
651	يتنظر		✓
661	انتظروها		✓
950	تنتظرين	✓	
1210	فتقنطروا	✓	
1397	ينظر، فلينظر	✓✓	
1560	أنظر كما		✓
2077	ينظر، أنظر، أنظر		✓✓✓
2150	النظررين		✓
2358	ينظر		✓
3231	فنظرت	✓	
3350	ينظر	✓	
3355	فانظر، أنظر	✓✓	
3452	انظروا		✓
3610	ينظر، ينظر، ينظر، ينظر	✓✓✓✓	
3665	ينظر		✓
3886	أنظر	✓	
3963	ينظر	✓	
4232	تنظروهم		✓
4280	ينظر		✓
4730	ينظرون، وينتظرون		✓✓
4880	ينظروا	✓	
5018	ينظر	✓	
5030	فانظر، انظر		✓✓
5102	انظرن		✓
5240	ينظر	✓	
5739	النظرة	✓	
5788	ينظر		✓
6243	النظر	✓	
6280	انظر	✓	
6490	نظر، فلينظر	✓✓	

6541	فنظرت، انظر، فنظرت	✓✓✓	
6593	أنظر	✓	
6636	فنظرت، فنظر		✓✓
6770	نظر		✓
6824	نظرت	✓	
7508	فانظروا	✓	

Jadual 2 menunjukkan pecahan makna konotatif dan denotatif perkataan *nazara* dan pecahannya dalam Sahih Bukhari. Makna literal perkataan *nazara* ialah deria mata. Makna ini merupakan yang paling banyak muncul dalam kajian ini, iaitu sebanyak 33 kali, dalam hadis bernombor 349, 373, 950, 1210, 1397, 3231, 3350, 3355, 3610, 3886, 3963, 4880, 5018, 5240, 5739, 6243, 6280, 6490, 6541, 6593, 6824 dan 7508. Semua perkataan *nazara* dalam hadis-hadis ini membawa maksud literal *nazara*, iaitu deria mata sebagai alat untuk melihat. Sebagai contoh, perkataan *أنظر* dalam hadis bernombor 373 merujuk kepada anjuran Nabi Muhammad SAW supaya tidak memakai baju bercorak yang menarik perhatian sekiranya hendak menunaikan solat bimbang corak tersebut akan mengganggu perhatian orang yang sedang menunaikan solat. Dalam hadis tersebut, Nabi SAW menyifatkan solat boleh terganggu sekiranya ada orang memakai baju bercorak kerana leka memandang kepada corak tersebut dan tidak dapat menghadirkan diri dalam solat secara total (Ahmad ibn Ali ibn Hajar al-'Asqalani, n.d.). Jadi, perkataan *nazara* di dalam hadis membawa maksud memandang dengan mata.

Terdapat beberapa makna yang memerlukan perhatian dan penelitian agar teks dapat difahami dengan tepat. Sebahagian daripada makna ini muncul dalam konteks tertentu dan membawa makna literal. Ada yang digunakan secara meluas dalam teks, manakala ada yang tidak. Dalam kajian ini, makna konotatif muncul sebanyak 27 kali berbanding makna denotatif. Makna konotatif tersebut ialah melihat dengan mata hati, bersangka, pengamatan, dan tiada rahmat. Sebagai contoh, Nabi Muhammad SAW merujuk kepada perkataan *يُنْظَرُ* di dalam hadis bernombor 5788 sebagai tiada rahmat (Shihab al-Din Abi al-Abbas Ahmad Muhammad as-Syafi'e al-Qastalani, 1996). Hadis ini menerangkan tentang larangan melabuhkan pakaian dengan tujuan takabbur kerana bimbang tidak mendapat rahmat Allah SWT di akhirat kelak.

Makna konotatif lain boleh ditemui dalam hadis bernombor 6770. Hadis ini membincangkan pensabitan nasab berdasarkan persamaan antara satu orang dengan orang yang lain atau ilmu genetik atau ilmu al-Qiyafah. Dalam konteks ini, perkataan *نظر* membawa maksud penelitian atau pengamatan seorang ahli Qiyafah terhadap tapak kaki Usamah ibn Zaid dan bapanya Zaid ibn Harithah dan menyabitkan bahawa keduanya merupakan anak dan bapa (Badr al-Din Abi Muhammad Mahmud al-'Ainiy, 2001). Ini kerana rupa keduanya berbeza sehingga ada orang menyangka bahawa Usamah bukan anak kepada Zaid. Berita ini amat menggembirakan Nabi SAW.

Kesimpulan

Kajian ini menunjukkan bahawa kefahaman terhadap makna denotatif dan konotatif perkataan *nazara* adalah elemen asas dalam memastikan tafsiran teks agama dilakukan dengan tepat. Makna denotatif merujuk kepada maksud asas dan literal sesuatu perkataan, manakala makna

konotatif mencerminkan konteks dan maksud tersirat yang lebih mendalam. Dalam analisis ini, perbezaan antara kedua-dua makna ini menjadi jelas apabila makna literal *nazara* sebagai "melihat" dipertimbangkan bersama makna konotatifnya, seperti "memahami," "merenung," atau "mengamati" dalam konteks tertentu. Oleh itu, memahami kedua-dua lapisan makna ini sangat penting dalam memberikan pemahaman yang menyeluruh terhadap teks agama Islam, sekali gus memastikan mesej yang disampaikan oleh teks tersebut dapat difahami dengan tepat dan mendalam.

Acknowledgment

Kajian ini tidak dibiayai oleh mana-mana geran.

References

- Ahmad ibn Ali ibn Hajar al-'Asqalani. (n.d.). *Fath al-Bari bi Syarh Sahih al-Bukhari*. al-Maktabah al-Salafiyah.
- Al-Bukhari, A. A. M. ibn I. (1980). *al-Jami' al-Sahih*. al-Matba'ah al-Salafiah.
- Asma Abdul Rahman, & Sarah Husna M Rashid. (2021). Analisis Hubungan Semantik Pada Perkataan Qurūnān (قُرُونَّا) dalam Al-Quran. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 6(9), 321–334. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v6i9.1009>
- Badr al-Din Abi Muhammad Mahmud al-'Ainiy. (2001). *Umdah al-Qari Syarh Sahih al-Bukhari*. Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Chierchia, G., & McConnell-Ginet, S. (1990). *Meaning and Grammar: An Introduction to Semantics*. MIT Press.
- Cruse, D. A. (2004). *Meaning in Language: An Introduction to Semantics and Pragmatics*. Oxford University Press.
- Derhana Bulan Dalimunthe. (2019). Semantik Al-Qur'an (Pendekatan Semantik Al-Qur'an Thoshihiko Izutsu). *Potret Pemikiran*, 23(1), 1–9. <https://doi.org/10.30984/pp.v23i1.801>
- Marjiatun Hujaz, Nur Huda, & Syihabudin Qalyubi. (2018). Analisis Semantik Kata Zawj Dalam Al-Qur'an. *AL ITQAN: Jurnal Studi Al-Qur'an*, 4(2), 55–80. <https://doi.org/10.47454/itqan.v4i2.684>
- Muhammad Luqman Ibnul Hakim Mohd Saad, Muhammad Saiful Anuar Yusof, Razimi Zakaria, & Mohd Baharim Mayidin. (2023). Klasifikasi Semantik dan Jenis Permasalahan dalam Penterjemahan Eufemisme al-Quran ke Bahasa Melayu: Semantic Classification and Type of Problems in the *The Sultan Alauddin ...*, 10(1), 1–13. <http://jsass.kuis.edu.my/index.php/jsass/article/view/231%0Ahttp://jsass.kuis.edu.my/index.php/jsass/article/download/231/168>
- Norfarhana Ahmad Ghafar, & Hishomudin Ahmad. (2023). Makna Semantik Perkataan 'Basara' dan Sinonimnya dalam Kamus Lisan Al-Arab oleh Ibn Manzur. *Al-Azkiyaa International Journal of Language and Education*, 2(2), 13–31.
- Norfarhana Ahmad Ghafar, Hishomudin Ahmad, Norzulaili Mohd Ghazali, & Zainal Abidin Hajib. (2024). Denotative and Connotative Meaning for word "basar" in Sahih Bukhari. *International Journal of Research and Innovation in Social Sciences*, VIII(XI), 1818–1824. <https://doi.org/10.47772/IJRRISS>
- Nur Halijah Zainal, & Khazri Osman. (2022). Lafaz al-Quran dan al-Kitab menurut Semantik al-Quran. *Seminar Semantik Al-Quran*, 1, 1–13.
- Nur Umi Luthfiana, & Nur Huda. (2021). Analisis Makna Khauf dalam Al-Quran Pendekatan Semantik Toshihiko Izutsu. *AL ITQAN: Jurnal Studi Al-Qur'an*, 3(2), 6.

Qaziah Fatihah Berhanuddin, & Ahmed Talal Hassan. (n.d.). *Kajian Semantik dalam al-Quran sebagai tanda aras Mukjizat Maknawi: Analisa tentang ayata-ayat perumpamaan*. 1–13.

Rahman, F. (2012). Major Themes of the Qur ’ān by Fazlur Rahman. *Middle East*, 35, 1–129.

Shihab al-Din Abi al-Abbas Ahmad Muhammad as-Syafi’i al-Qastalani. (1996). *Irsyad al-Sari lisyarh Sahih al-Bukhari*. Dar al-Kutub al-’Ilmiyyah.

Subhi Saleh. (1963). *Ulum Hadith wa Mustalahuhu*. Matba’ah Jami’ah Damsyiq.